



e-PROCEEDING

OF 4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON MEDIA AND SOCIETY (iC-MAS2022)

Communicating Cultural Heritage:
Inclusivity in Changing Landscapes

20-21 December 2022
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



UNIMAS | FACULTY OF LANGUAGE & COMMUNICATION
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Organised by
Strategic Communication Programme
Faculty of Language and Communication
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Community-Driven University For A Sustainability World

Edited by Faidz Felani Majeri
 Su-Hie Ting
 Vimala Govindaraju

Cover Illustration by Suraya Bakeri

© 2023 Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

All rights reserved; no part of this publication may be reproduced, stored or transmitted in any form or by any means without prior written permission of the copyright holder.

The proceedings have been edited for format and layout, but content and language errors remain the responsibility of the author(s). The proceedings are not refereed. Papers which fall too far from specified requirements could not be included in the proceedings.

National Library of Malaysia Cataloguing in Publication Data
eISBN 978-967-0054-52-0

Table of Contents

No	Title	Page
1.	Application of Propaganda Techniques by Barisan Nasional in Malacca's State Election 2021 Faridah Dahalan, Ahmad Rizalman Jamal, Kamarul Ariffin, Amalina Jemail & Shamsiah Abd Kadir	1
2.	Could National Museums in Malaysia Provide Varieties of Storytelling on Malay Ethnicities? Yi-Chang Chang & Noor Azmira Mohamed	14
3.	Enhancing Brand Love via Branding Architecture Among Telecommunication Service Provider Users Al Amirul Eimer Ramdzan Ali, Nurzali Ismail & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil	20
4.	Usage of Social Media Related to Muslim Friendly Hospitality Tourism among Users Rosninawati Hussin, Norhayati Rafida Abdul Rahim, Safiyyah Ahmad Sabri & Ahmad Ihab Uwais	32
5.	Investigating Influencing Factors of EFL Preservice Teachers' Identity Construction in Rural Areas Kunto Nurcahyoko, Wanda Giovani & Elisabet Nanda Ayu	46
6.	Hypercorrection among Native Speakers of Bidayuh Biatah when Speaking English Leonardo Ginyun	57
7.	Social Media Usage by Book Publishers in Nigeria: A Social Strategy Cone Perspective Abdulrasheed A. Afolabi & Izzal Asnira Zolkepli	68
8.	Intangible Cultural Heritage and Cultural Knowledge: A Study on the Bidayuh Folktales, Dondan Yvonne Michelle Campbell	80
9.	Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Belia Terhadap Pengundian Seawal Umur 18 Tahun di Daerah Batang Padang, Perak Joekryno Joni, Khairul Azam Bahari & Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin	95
10.	Pemahaman Komuniti Maya Terhadap Konsep Kawalan Sosial Mohamad Nazrul Mohd Azmian, Muhammad Ridhwan Sarifin, Jusang Bolong, Nurhafizah Yusoff, Muhammad Hariz Adnan & Mohd Syariefudin Abdullah	110

11.	Kesejahteraan Komunikasi Sebagai Peramal Perpaduan Komuniti di Sarawak Syufiza Iskandar, Jamilah Maliki & Dayang Aizza Maisha Abang Ahmad	121
12.	Kata Kerja dalam Bahasa Iban: Suatu Analisis Morfologi Claudia Vica Bandan & Norazuna Norahim	136
13.	Kesan Pencerobahan Nelayan Asing Terhadap Sosioekonomi Masyarakat Nelayan Tempatan Di Pantai Barat Sabah Astri M Fadzli	145

KATA KERJA DALAM BAHASA IBAN: SUATU ANALISIS MORFOLOGI

Claudia Vica BANDAN¹
Norazuna NORAHIM*²

^{1,2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

¹claudiavicabandan@gmail.com

²nazuna@unimas.my

**Corresponding author*

Abstrak

Kertas kerja ini melaporkan dapatan awal kajian pemerian kata kerja bahasa Iban dari segi bentuk dan struktur kata. Deskripsi pembentukan dan penggolongan kata kerja bahasa Iban ini menerapkan kerangka Nahu Sistem (Omar, 2009) yang berasaskan teori sistemik-fungsional. Nahu ini menjadikan fungsi dan makna kata kerja dalam konteks penggunaannya sebagai teras dalam analisis data. Data kajian ini diperolehi daripada teks berita bahasa Iban dalam akhbar Suara Sarawak. Jadi, kajian ini berbeza dengan kajian-kajian lepas yang menggunakan data dari kajian lapangan. Kajian ini menggunakan korpus daripada akhbar tempatan iaitu akhbar Suara Sarawak. Data kata kerja disusun dalam bentuk jadual bagi tujuan pengkategorian dan setiap kata kerja disertai dengan konteks penggunaannya. Dapatan awal mendapati proses pembentukan dalam bahasa Iban terdiri daripada dua jenis iaitu proses penambahan dan penggantian. Berbanding dengan kajian-kajian lepas, kajian ini telah memberi gambaran yang lebih mendalam tentang fungsi kata kerja dan proses-proses morfologi yang membentuk kata terbitan bahasa Iban.

Kata kunci: Kata kerja, bahasa Iban, proses morfologi

Abstract

This paper reports the preliminary findings of the Iban language verb study in terms of the form and structure of words. The framework of Nahu Sistem (Omar, 2009), which is based on systemic-functional theory, is used to describe and classify Iban verbs. This Nahu makes the function and meaning of the verb in the context of its use the core of data analysis. This study used a corpus from a local newspaper, Suara Sarawak. So, this study differs from past studies that used data from field studies. The verb data are organised in the form of a table for categorisation, and each verb is accompanied by the context in which it is used. According to preliminary findings, the formation process in the Iban language is divided into two types: addition and substitution. In comparison to previous research, this study provides a more detailed picture of the role of verbs and morphology processes in the formation of Iban language derivative words.

Keywords: Verbs, bahasa Iban, morphology processes

Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan dalam masyarakat yang berupa lambang bunyi terhasil daripada alat ucapan manusia (Devianty, 2017). Kajian ini merupakan kajian yang mengkaji bahasa Iban. Bahasa Iban merupakan bahasa sukuan yang dituturkan oleh suku kaum yang menetap di Sarawak. Bahasa ini bukan sahaja dituturkan oleh kaum itu sendiri bahkan kaum lain di Sarawak juga boleh

berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Iban. Omar dan Sandai (2012) menyatakan bahawa bahasa Iban merupakan bahasa yang algnatif iaitu dikenali sebagai bahasa yang menggunakan pengimbuhan dalam membentuk kata terbitan.

Morfologi adalah kajian linguistik yang melihat kepada bentuk kata (Hassan, 2010; Omar & Sandai, 2012). Selain itu, Hassan (2006) menyatakan bidang morfologi juga melihat aspek proses pembentukan kata seperti pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Setiap proses-proses itu memiliki fungsi gramatikalnya yang tersendiri. Justeru, bidang ini turut menitikberatkan hubungan antara morfem dan varian morfem (Omar, 2015).

Kajian ini merupakan kajian yang melihat kepada aspek kata kerja dan proses-proses morfologi yang berlaku dalam bahasa Iban. Karim et al. (2008) menyatakan bahawa kata kerja merupakan binaan kata yang berfungsi menunjukkan perbuatan. Kata kerja juga boleh menjadi inti kepada binaan frasa kerja. Manakala, proses morfologi ialah proses-proses pembentukan kata atau proses yang menghasilkan kata-kata terbitan (Hassan, 2006; Omar & Sandai, 2012).

Permasalahan Kajian

Kajian mengenai bidang morfologi terutamanya melihat aspek kata kerja bukanlah suatu kajian yang baharu dijalankan. Umum mengetahui bahawa kajian morfologi telah banyak dilakukan oleh para pengkaji bahasa di dalam negara mahupun luar negara. Namun begitu, penelitian terhadap jenis-jenis kata kerja yang wujud dalam bahasa Iban kurang dilakukan. Begitu juga penelitian mengenai proses morfologi bahasa Iban juga tidak diteliti secara mendalam. Walaupun kajian kata kerja atau proses morfologi ada dilakukan namun kajian tersebut tidak memfokuskan kepada bahasa Iban tetapi bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu. Kajian Kader et al. (2006) yang menyentuh mengenai proses morfologi dalam bahasa Melayu membincangkan perkembangan proses morfologi yang berlaku dalam bahasa tersebut dari zaman dahulu sehingga kini. Yusof (2003) ada meneliti proses morfologi dalam bahasa Iban, namun kajian tersebut merupakan kajian perbandingan dengan bahasa Melayu. Kajian beliau memberikan fokus kepada penggunaan morfem {me-} dan proses penyengauan sebagai imbuhan kata namaan dalam kedua-dua bahasa yang dipilih.

Makalah ini memfokuskan kepada aspek morfologi khususnya aspek kata kerja serta proses morfologi dalam bahasa Iban. Hal ini kerana tidak ramai pengkaji bahasa membuat pengkajian mengenai bahasa sukuan yang terdapat di Sarawak. Kajian morfologi bahasa sukuan di Sarawak dijalankan hanya sedikit sahaja. Jagig (1998) telah menjalankan kajian Fonologi dan Morfologi dalam bahasa Bidayuh Padawan manakala Omar (2013) menjalankan kajian yang bertajuk "*The Iban Language Of Sarawak: A Grammatical Description*". Kajian-kajian terdahulu kebanyakannya menggunakan bahasa lisan dan teks cerita rakyat sebagai data korpus. Justeru, kajian ini menggunakan berita daripada surat khabar bahasa Iban sebagai data korpus.

Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memeri kata kerja dalam bahasa Iban dari segi morfologi. Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti jenis-jenis kata kerja yang terdapat dalam bahasa Iban. Manakala objektif yang kedua pula menghuraikan proses morfologi yang membentuk kata terbitan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif deskriptif. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan Nahu Sistem yang diperkenalkan oleh Omar (2009). Nahu Sistem ini berasaskan teori Sistemik-fungsional oleh Halliday (1985) yang menekankan analisis bentuk dan struktur kata

berdasarkan situasi sebenar penggunaan kata dalam ayat (Omar, 2009). Data kajian ini akan memanfaatkan korpus daripada surat khabar tempatan iaitu Suara Sarawak. Data diperoleh daripada segmen *Ruai* dalam akhbar tersebut. Setiap kata kerja yang dijumpai akan direkod juga penggunaan dalam teks. Oleh itu, satu kata kerja boleh ada contoh beberapa situasi penggunaannya dalam pelbagai teks. Seterusnya, data ini akan dianalisis berdasarkan kerangka teori Nahu Sistem.

Dapatan dan Perbincangan

Dalam meneliti proses pembentukan kata dalam bahasa Iban bagi setiap golongan kata, didapati bahawa kata kerja merupakan golongan kata yang paling banyak menerima penambah atau imbuhan diikuti dengan kata nama seterusnya kata adjektif.

Karim et al. (2008) berpendapat kata kerja merupakan binaan yang mempunyai fungsi perbuatan. Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja. Dari aspek makna pula, kata kerja berfungsi sebagai kata yang merujuk kepada perlakuan atau perkara yang dilakukan. Kata kerja boleh terbahagi kepada dua perkara iaitu kata kerja leksikal dan kata kerja bantu (Omar, 2009). Namun, kajian ini hanya memberikan fokus hanya kepada kata kerja leksikal sahaja. Oleh itu, pengkaji membincangkan jenis-jenis kata kerja dan proses morfologi yang terdapat dalam bahasa Iban. Setiap kata kerja yang diperolehi juga akan dibincangkan proses morfologinya.

Kata Kerja Perbuatan

Menurut Omar (2015), kata kerja perbuatan terdiri daripada beberapa subgolongan yang memperlihatkan ada atau tiada ciri-ciri makna pada kata kerja itu. Melalui kata kerja perbuatan ini, kita boleh melihat bahawa subjek merupakan pelaku.

Kata kerja perbuatan sengaja dan tidak sengaja

Kata kerja perbuatan sengaja merupakan perbuatan yang dilakukan dalam keadaan sedar oleh si pelaku. Perbuatan sengaja ini diwakili oleh kata kerja *numbuhka* yang bermaksud menubuhkan. Kata kerja itu sendiri menjelaskan bahawa si pelaku dengan sengaja ingin menubuhkan sesuatu komuniti yang baharu.

Manakala perbuatan tidak sengaja pula merupakan perbuatan yang dilakukan tanpa disedari oleh pelaku. Misalnya, kata kerja *tekenyit*. Akhbar dalam bahasa Iban jarang menggunakan kata kerja tidak sengaja kerana penggunaan laras beritanya yang berbeza dengan percakapan seharian orang Iban.

Jadual 1

Perbuatan sengaja dan tidak sengaja

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Jenis Kata Kerja	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>numbuhka</i>	<i>Tumbuh</i>	menubuhkan	Perbuatan sengaja	“Kami dalam perintah nadai ngembuan niat kediri, bisi orang ningkilka diri enggau masuk parti, <i>numbuhka</i> parti baru laban sida bisi niat kediri” (Suara Sarawak, 16 November 2021. Ruai m/s 3)

<i>tekenyit</i>	<i>Kenyit</i>	terkejut	Perbuatan tidak sengaja	“Dua iku jagu panjai lebih lima meter ke suahan ba Batang Igan udu ngasuh mensia mayuh ti ngena feri lгат <i>tekenyit</i> , ensana” (Suara Sarawak, 6 Mac 2022. Ruai m/s 4)
-----------------	---------------	----------	-------------------------	---

Kata kerja perbuatan sendiri dan luar sendiri

Jenis kata kerja ini juga ada dalam laras berita bahasa Iban. Kata kerja perbuatan sendiri yang dimaksudkan adalah perbuatan yang dilakukan terhadap diri si pelaku dan bukan kepada orang lain. Kata kerja ini boleh diwakili oleh kata *meli* yang bermaksud membeli. Dalam hal ini, kata kerja *meli* menjelaskan bahawa si pelaku telah membeli sesuatu untuk diri sendiri.

Kata kerja luar sendiri pula merupakan perbuatan yang dilakukan ke atas orang lain. Kata kerja *dipadahka* bermaksud diberitahu. Seseorang itu telah diberitahu oleh orang lain tentang sesuatu.

Jadual 2

Perbuatan sendiri dan luar sendiri

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Jenis Kata Kerja	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>meli</i>	<i>Beli</i>	membeli	Perbuatan sendiri	“Diumba ke ati majak gidan mendingka pengelunak tiun sape nya, dia dih penanyi ke berumur 43 taun tu lalu <i>meli</i> sebuah sape ungkup diri empu” (Suara Sarawak, 19 Februari 2022. Ruai m/s 5)
<i>dipadahka</i>	<i>padah</i>	diberitahu	Perbuatan luar sendiri	“Aku <i>dipadahka</i> sida udah minta pemendar lalunya begunaka unkus belanja ke besai, dikena ngaga jalai enggau sapat tebing dikena nagang tanah usur” (Suara Sarawak, 27 Disember 2021. Ruai m/s 2)

Kata kerja perbuatan menyebabkan dan tidak menyebabkan

Perbuatan menyebabkan bermaksud perbuatan yang menyebabkan terjadinya sesuatu peristiwa atau kejadian. Kata *nguntungka* dalam bahasa Iban bermaksud keuntungan. Kata kerja *nguntungka* memperlihatkan perbuatan yang mendatangkan hasil dan menyebabkan keuntungan kepada diri atau orang lain. Makna menyebabkan dalam bahasa Iban boleh didukung oleh kata yang mempunyai penambah *ngeka* dan *-ka*.

Kata kerja perbuatan tidak menyebabkan yang dimaksudkan adalah perbuatan yang tidak mengakibatkan terjadi sesuatu perkara. Kata kerja *datai* yang bermaksud datang dalam bahasa Melayu. Kata ini tidak akan menyebabkan apa-apa peristiwa yang berlaku.

Jadual 3

Perbuatan menyebabkan dan tidak menyebabkan

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Jenis Kata Kerja	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>nguntungka</i>	<i>untung</i>	Memberi keuntungan	Perbuatan menyebabkan	“Kenu ku iya, muzium ke digaga nengah belanja beungkus RM323 juta nya deka nyungkak sektor dagang temuai sereta <i>nguntungka ekonomi Sarawak</i> ” (Suara Sarawak, 6 Mac 2021. Ruai m/s 8)
<i>datai</i>	<i>Datai</i>	Datang	Perbuatan tidak menyebabkan	“Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS), Datuk Joseph Salang Gadum ngelalau komuniti Dayak di Sarawak lebih agi ba sitak Parlimen dipenggi PRS ngemeran semangat beduruk ngambi ulih nyapai pemujur ba Pengawa Bepilih Besai Ke-15 (PRU-15) ke deka <i>datai</i> ” (Suara Sarawak, 26 April 2022. Ruai m/s 4)

Kata kerja perbuatan menghasilkan dan tidak menghasilkan

Kata kerja perbuatan menghasilkan yang dimaksudkan adalah perbuatan yang merujuk kepada proses yang membuahkan hasil. Kata kerja *ngerampit* dalam bahasa Iban memberi maksud berjangkit. Kata kerja ini jelas menunjukkan makna yang memberikan terhasilnya sesuatu perkara.

Seterusnya, kata kerja perbuatan tidak menghasilkan pula merupakan kata kerja yang tidak menunjukkan hasil. Kata kerja *nyembi* yang dimaksudkan adalah berjemur yakni kata kerja yang tidak mengakibatkan sebarang hasil.

Jadual 4

Perbuatan menghasilkan dan tidak menghasilkan

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Jenis Kata Kerja	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>ngerampit</i>	<i>rampit</i>	berjangkit	Perbuatan menghasilkan	“Sebedau ditemu ngerampit sekeda kandang nupi jani di Sibu, penyakit ASF tu mega bisi ditemu ngerampit jani kampung ba menua Bidor enggau Sungkai di Perak enggau Jerantut, Pahang kena 17 Disember 2021” (Suara Sarawak, 6 Mac 2022. Ruai m/s 2)
<i>nyembi</i>	<i>jembi</i>	Berjemur	Perbuatan tidak menghasilkan	“Tandu iya, peranak dia mega suah meda jagu nya nyembi diri di tebing sungai maya ai surut baka ti udah biasa enggau palan nya lalu enda takut meda mensia” (Suara Sarawak, 6 Mac 2022. Ruai m/s 4)

Kata Kerja Keadaan

Omar (2015) menyatakan bahawa kata kerja keadaan bermaksud kata kerja yang tidak menunjukkan adanya pergerakan perbuatan. Kata kerja jenis ini terbahagi kepada tiga bahagian. Antaranya kata kerja peristiwa, kata kerja pemerian dan kepunyaan.

Kata kerja peristiwa

Kata kerja peristiwa yang dimaksudkan adalah kata kerja yang menjelaskan sesuatu peristiwa yang berlaku. Kata kerja yang menunjukkan peristiwa dalam bahasa Iban adalah kata kerja *ada* yang bermaksud lahir dan *tusur* yang bermaksud runtuh. Berikut merupakan kata kerja peristiwa dalam bahasa Iban.

Jadual 5

Kata kerja peristiwa

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>ada</i>	<i>ada</i>	lahir	“Anak mit keterubah <i>ada</i> pukul 12.29 pagi lalu anak mit ke <i>ada</i> kepenudi pukul 10.41 malam.” (Suara Sarawak, 27 Disember 2021. Ruai m/s 4)
<i>tusur</i>	<i>tusur</i>	runtuh	“Bisi 10 penusah tanah <i>tusur</i> nyadi di Jalai Kampung Sejijag ditu alai empat ari nya ngelamun jalai ngujungka peranak dia enda ulih mindah ke bukai” (Suara Sarawak, 11 Januari 2022. Ruai m/s 7)

Kata kerja pemerian

Kata kerja pemerian ini merupakan kata kerja yang menjelaskan atau menghuraikan sesuatu yang biasanya merupakan subjek kepada ayat. Kata kerja pemerian yang terdapat dalam bahasa Iban terdiri daripada kata *nyadi* dan *betuaika*.

Jadual 6

Kata kerja pemerian

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>nyadi</i>	<i>jadi</i>	menjadi	“Datuk Willie Mongin empai minta <i>nyadi</i> kaban PBB” (Suara Sarawak, 26 April 2022. Ruai, m/s 2)
<i>betuaika</i>	<i>tuai</i>	diketuai	“Raban TVS <i>betuaika</i> Sharif bergambar ungkup kenang enggau raban ST, SV <i>betuaika</i> COO, Sardon Zainal.” (Suara Sarawak, 11 Januari 2022. Ruai m/s 4)

Kata kerja kepunyaan

Kata kerja kepunyaan ialah kata yang menyatakan hak milik atau yang empunya (Omar, 2015). Penggunaan kata kerja ini dalam bahasa formal adalah terbatas dan terhad. Berikut merupakan antara kata kerja kepunyaan yang ada dalam bahasa Iban.

Jadual 7

Kata kerja kepunyaan

Kata Kerja Terbitan	Kata Dasar	Makna Kata	Contoh Penggunaan Kata Kerja
<i>bisi</i>	<i>bisi</i>	ada	“Lebuh diperesa, <i>bisi</i> empat iti bateri entukar, siti spana enggau siti kereban mutung wayar ditemu dalam entukar nya lalu semua barang nya dirampas nyadi barang kes” (Suara Sarawak, 19 Februari 2022. Ruai m/s 6)
<i>ngembuan</i>	<i>kembuan</i>	memiliki	“Sida mega patut <i>ngembuan</i> tikas pelajar Diploma tauka Degree ba sebarang program, bisi laptop enggau entukar kediri empu kelimpah deka bejalai gawa ke menua bukai” (Suara Sarawak, 19 Februari 2022. Ruai m/s 2)

Proses Morfologi

Proses morfologi atau dikenali sebagai proses pembentukan kata dalam bahasa Iban terdiri daripada tiga proses. Antaranya proses penambahan, proses penggantian dan proses penggandaan. Namun, dalam kajian ini hanya menjelaskan proses penambahan dan proses penggantian sahaja.

Proses penambahan

Menurut Omar dan Sandai (2012), proses penambahan yakni pengimbuhan boleh hadir di awalan, apitan dan akhiran kata. Justeru, kajian ini akan memeri proses-proses penambahan tersebut.

Penambahan awalan

Imbuhan awalan merupakan morfem yang terikat manakala kata akar merupakan morfem bebas (Omar, 2015). Menurut Omar dan Sandai (2012), imbuhan awalan yang ada dalam bahasa Iban adalah awalan *be-*, *di-*, *te-*, *se-* dan *pe-*. Data kajian hanya memperlihatkan awalan *te-* sahaja yang dijumpai menerusi korpus. Awalan /*te-*/ biasanya hanya hadir pada kata akar yang mana bermula dengan huruf konsonan sahaja.

Jadual 8

Penambahan awalan *te-*

<i>te + kenyit</i>	-	<i>tekenyit</i> (terkejut)
--------------------	---	----------------------------

Penambahan apitan

Penambahan apitan dalam bahasa Iban terdiri daripada lima bentuk imbuhan apitan iaitu *ke-ka*, *pe-ka*, *N-ka*, *be-ka* dan *te-ka* (Aman, 2006). Data yang diperoleh hanya memaparkan sebahagian daripada keseluruhan bentuk imbuhan apitan tersebut. Antaranya imbuhan apitan *N-ka*, *be-ka* dan *di-ka*. Apitan /*N-ka*/ dalam bahasa Iban berperanan sebagai penanda kata kerja transitif. Seterusnya, apitan /*be-ka*/ juga merupakan penanda kata transitif yang mempunyai makna menjurus kepada “memiliki’ dan “bersalingan’ (Aman, 2006). Manakala, apitan /*di-ka*/ merupakan kata kerja yang pasif.

Jadual 9

Penambahan apitan

N+tumbuh + -ka	-	<i>numbuhka</i>
ng+untung + -ka	-	<i>nguntungka</i>
di+padah + -ka	-	<i>dipadahka</i>
be+tuai + -ka	-	<i>betuaika</i>

Proses penggantian

Kaedah pembentukan kata yang melibatkan kata kerja dalam bahasa Iban terdiri daripada proses penggantian penyengauan pada awal kata dasar dan juga penambahan yang disengaukan. Penyengauan ini merupakan morfem terikat. Berikut merupakan beberapa contoh proses penggantian yang berlaku dalam bahasa Iban.

Penggantian penyengauan /N-/

Dalam proses ini, /N-/ biasanya akan menggantikan konsonan /t/, /d/, /k/, /g/, /ch/, /j/ dan /s/ di awal kata dasar. Data yang diperolehi memperlihatkan proses penggantian ini merupakan proses yang agak produktif berbanding proses penggantian /meN/. Alomorf /N-/ menggantikan konsonan "t" dan "d", manakala konsonan /k/ dan /g/ diganti oleh alomorf /Ng-/. Seterusnya, alomorf /Ny-/ pula menggantikan konsonan seperti /ch/, /j/ dan /s/ pada awal kata dasar. Berikut merupakan beberapa contoh penggantian penyengauan /N-/ yang berlaku dalam bahasa Iban.

Jadual 10

Penggantian penyengauan /N-/

Ny- + jembi	-	<i>nyembi</i>
Ny- + jadi	-	<i>nyadi</i>
N + kembuan	-	<i>ngembuan</i>

Penggantian penyengauan /meN-/

Penggantian /meN/ pula biasanya merupakan proses penyengauan yang menggantikan huruf konsonan "b" dan "p". Penggunaan kata kerja yang terlibat proses penggantian /meN/ ini dilihat kurang digunakan penulisan akhbar. Jadual di bawah menunjukkan kata kerja *beli* mengalami penggantian penyengauan /meN-/ yang menjadikannya kata kerja *meli*.

Jadual 11

Penggantian penyengauan /meN-/

meN- + beli	-	<i>meli (membeli)</i>
--------------------	---	------------------------------

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, kata kerja leksikal yang terdapat dalam bahasa Iban terdiri daripada kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Jenis-jenis kata kerja dalam bahasa Iban melibatkan beberapa kategori seperti kata kerja perbuatan sengaja dan tidak sengaja, perbuatan sendiri dan luar sendiri, perbuatan menyebabkan dan tidak menyebabkan serta perbuatan menghasilkan dan tidak menghasilkan.

Bagi kategori kata kerja keadaan pula terdiri daripada kata kerja peristiwa, kata kerja kepunyaan dan kata kerja pemerian. Proses morfologi yang berlaku melibatkan proses penambahan dan proses penggantian penyengauan. Analisis kajian memperlihatkan kata kerja dalam bahasa Iban mengalami proses penambahan imbuhan awalan /te-/ dan apitan /N- + -ka/, /di- + -ka/ dan /be- + -ka/. Manakala, proses penggantian penyengauan yang berlaku dalam bahasa Iban adalah lebih produktif. Proses penggantian penyengauan ini melibatkan penggantian alomorf /N-/ dan /meN-/ di awalan kata dasar.

Diharap agar kajian ini dapat menjelaskan proses-proses morfologi yang berlaku dalam bahasa Iban kepada pembaca kajian ini. Akhir sekali, kajian morfologi bahasa Iban dari segi proses pembentukan kata haruslah dikaji dengan lebih mendalam dan diberikan tumpuan agar bidang morfologi dalam bahasa Iban boleh berkembang seiring dengan bidang linguistik bahasa lain.

Rujukan

- Aman, R. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Devianty, R. (2017). Bahasa sebagai cermin kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, 24(2).
- Halliday, M, A, K. (1985). *An introduction to functional grammar*. Edward Arnold.
- Hassan, A. (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hassan, S. (2010). Morfologi: Analisis produktiviti prefiks Dialek Melayu Sarawak. *Persidangan: Seminar Internasional Hari Bahasa Ibu 2010: menyelamatkan bahasa Ibu sebagai kekayaan Budaya Nasional*.
- Jagig, A, J. (1998). *Bahasa Bidayah Padawan: Kajian fonologi dan morfologi*. Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajaran Melayu, Universiti Malaya.
- Omar, A. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. (Edisi Kelima Cetakan Pertama). Dewan Bahasa dan Pustaka
- Omar, A., & Sandai, R. (2012). *Morfologi Bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Omar, A. (2013). *The Iban Language of Sarawak: A grammatical description*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir*. (Edisi Kelima Cetakan Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kader, M., & Jamaluddin, S, Z, A. (2006). Proses morfologi bahasa Melayu: Satu penelitian semula. *Jurnal Bahasa*, 6(1), 119-147.
- Karim, N, S., Onn, M, F., Musa, H, H., & Mahmood, A., H. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof, R, M. (2003). Perkaitan bahasa Melayu dan bahasa Iban: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Bahasa*, 3(3), 457-477.

Raqib Mujib.46 tahun. Nelayan Pukat Tunda. Pasar Filipina Kota Kinabalu. 14 disember 2020
Chee Ho Wee Ing. 56 Tahun. Restoran Nasali, Tuaran Nelayan Pukat Tunda. 14 ogos 2020
Saiknato bin Hamzah. 28 tahun. Nelayan Pukat Linkong (Jerut). Restoran 29 mac 2020
Murat (Bukan Nama Sebenar).57 tahun. Nelayan Pukat Tenggelam (Gill Nett) Pasir Putih Putatan. 29 Ogos
2022

e-PROCEEDING

**OF 4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON
MEDIA AND SOCIETY (iC-MAS2022)**

